



## MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG PERMOHONAN UNTUK MENGGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** dan keutamaan kepada rakyat **DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan** yang berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Majlis Perbandaran Manjung.

- JAWATAN : **PEMBANTU AKAUNTAN  
GRED W19**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEWANGAN
- JADUAL GAJI (MIN – MAKS) : RM 1,353.00 – RM 4,005.00
- KENAIKAN GAJI TAHUNAN RM 100.00
- TARAF JAWATAN / BILANGAN : **KONTRAK (*CONTRACT OF SERVICE*)  
1 KEKOSONGAN**
- SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- a) warganegara Malaysia;
  - b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - c) i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik dan Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19 : RM1,353.00);  
atau
  - ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19 : RM1,409.40);  
atau

- iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19 : RM1,409.40);  
atau

- iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19 RM1,465.80);  
atau

- v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

- : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 17 OGOS 2022**

**CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah menggunakan aplikasi atas talian (*online*) sahaja dengan melayari laman web Majlis Perbandaran Manjung di [www.mpm.gov.my](http://www.mpm.gov.my) dan pemohon akan dihubungkan ke Laman Portal Perak Digital Negeri Perak di bawah Aplikasi Permohonan Jawatan Kosong di <https://digital.perak.my>.

**CATATAN AM**

- (a) Pihak Majlis berhak menentukan asas-asas tapisan dalam menyenarai pendek calon-calon yang layak dipanggil untuk sesi ujian / temu duga.

- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 12 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian / temu duga adalah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- (c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat di agensi kerajaan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan mengemukakan dokumen berikut semasa dipanggil untuk sesi ujian / temu duga:
- (i) Satu salinan Ringkasan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini
  - (ii) Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini
  - (iii) Surat Perakuan Ketua Jabatan sama ada beliau menyokong / tidak menyokong permohonan jawatan tersebut.



.....  
**SYAMSUL HAZEMAN BIN MD.SALLEH, AMP.**  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG**

**TARIKH : 29 JULAI 2022 / NO FAIL : MPM.(JKP)500-1/4/2 JLD.6**